

10) KELEWATAN KRONIK HAK MILIK STRATA DAN RISIKO WANG RAKYAT MENAMPUNG KEGAGALAN PEMAJU

Adun : Y.B. Tuan Dr. Mohd Zamri Bin Mohd Zainuldin (Sungai Burong)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Terdapat 649 skim melibatkan 138,817 petak yang belum memperoleh hak milik strata setakat 31 Oktober 2024, berapakah jumlah terkini backlog tersebut mengikut rekod paling mutakhir Kerajaan Negeri, dan apakah 10 skim paling lama tertangguh beserta lokasi, tempoh kelewatan, bilangan petak serta nama pemaju asal?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan melalui pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) sehingga 01 April 2026, terdapat sebanyak **662 skim** melibatkan **117,746 petak** yang belum memiliki hakmilik strata di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, berdasarkan permohonan yang telah diterima sehingga kini, berikut adalah 10 skim yang paling lama tertangguh seperti perincian di bawah:-

Bil	Nama Projek	Nama Pemaju	Bil Petak	Lokasi	Tempoh Kelewatan (Tahun)
1.	Flat Bunga Raya	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	80	Klang	57
2.	Flat Taman Daya	Sedaya Sdn. Bhd.	250	Gombak	34
3.	Apartment Flora, Taman Impian Ehsan	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	236	Hulu Langat	32
4.	Flat Pinggiran Batu Caves Fasa 2	Juru Bena Tenaga Sdn. Bhd. (Dalam Likuidasi)	420	Gombak	31
5.	Flat Desa Serdang	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	414	Hulu Langat	29
6.	Flat Pinggiran Batu Caves	Juru Bena Tenaga Sdn. Bhd. (Dalam Likuidasi)	480	Gombak	27

Bil	Nama Projek	Nama Pemaju	Bil Petak	Lokasi	Tempoh Kelewatan (Tahun)
7.	Pangsapuri Cempaka	Medan Prestasi Sdn. Bhd.	720	Hulu Selangor	26
8.	Pangsapuri Buginvilla	Medan Prestasi Sdn. Bhd.Dev.	440	Hulu Selangor	26
9.	Pangsapuri Sri Bayu	Taman Kemacahaya Dev. Sdn. Bhd. (Dalam Likuidasi)	220	Hulu Langat	25
10.	Pangsapuri Anggerik	Medan Prestasi Sdn. Bhd.Dev.	1,380	Hulu Selangor	25
Jumlah Keseluruhan			4,640		

